

17/02/2003

Mat Taib minta maklum balas

LUMUT: Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib sudah menghubungi beberapa pemimpin Umno di Kelantan dan Terengganu untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas mengenai kewajaran menentukan calon pilihan raya lebih awal.

Beliau berkata, pandangan dan maklum balas akan digunakan sebagai asas perbincangan dengan ahli Umno semua peringkat di kedua-dua negeri itu. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan contoh pandangan dan maklum balas yang diterima.

"Ia belum bermula lagi. Cuma saya sudah menghubungi beberapa pemimpin di

kedua-dua negeri itu untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas.

Selepas

ini saya akan pergi ke Kelantan dan Terengganu untuk berbincang lebih lanjut dengan pemimpin Umno di sana.

"Saya juga akan mendapatkan pandangan ahli Umno semua peringkat di kedua-dua negeri itu. Pandangan dan maklum balas itu penting supaya apabila rumusan dibuat dan diserahkan kepada Majlis Tertinggi (MT), ia akan mewakili pandangan dan pendapat setiap peringkat ahli Umno,"

katanya

selepas majlis Pelancaran dan Perasmian Persatuan Seni-seni Silat

(Pesaka)

Perak cawangan Manjung, di Seri Manjung dekat sini, malam kelmarin.

Baru-baru ini, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata Muhammad ditugaskan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengkaji kewajaran cadangan mengumumkan calon pilihan raya lebih awal di Kelantan dan Terengganu.